# UMP cadang bina rumah kontena

## Boleh siap dalam tempoh singkat, bantu mangsa banjir mula hidup baharu selepas hilang tempat tinggal

SINAR HARIAN / SENTRAL / TEMERLOH / 29 JAN 2015 / m/s 41

KUANTAN - Universiti Malaysia Pahang (UMP) bersedia membina rumah kontena kepada mangsa banjir dengan kepakaran dan teknologi sendiri sekiranya mendapat kerjasama pusat zakat negeri terlibat banjir.

Naib Canselor UMP Profesor Datuk Daing Nasir Ibrahim berkata, rumah bernilai RM65,000 untuk tiga bilik dan RM50,000 dengan keluasan 700 kaki persegi itu dibangunkan dengan teknologi '*modular craft*'.

Menurutnya, pembinaan dibuat menerusi anak syarikat UMP Innovest Sdn Bhd yang mempunyai kepakaran membentuk rumah dengan kontena terpakai dan teknologi prapemasangan yang mampu dibina dalam tempoh singkat.

"Sekiranya pusat zakat meluluskan permohonan ini ia akan dapat membantu mempercepat pembinaan rumah terbabit sekaligus membolehkan penduduk segera memulakan hidup selepas kehilangan tempat tinggal akibat bencana," katanya.



Daing Nasir (tengah) menyampaikan sumbangan bantuan daripada UMP kepada petugas media Pahang yang terlibat banjir di Kompleks Penyiaran RTM, semalam.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan sumbangan kepada mangsa banjir terdiri daripada 25 petugas media Pahang di Kompleks Penyiaran Sultan Ahmad Shah, dekat sini semalam.

Daing Nasir berkata, tiada kriteria tertentu ditetapkan bagi individu yang layak menerima bantuan menerusi dana tersebut.

Beliau berkata, dalam lawatan ke Kampung Aur Gading di Kuala Lipis baru-baru ini, secara kebetulan menemui satu keluarga yang kehilangan tempat tinggal akibat banjir dan pihak UMP mengambil masa hanya 24 jam membina kediaman tersebut.

Kelmarin UMP melancarkan dana bagi membolehkan syarikat korporat dan individu yang ingin membantu mangsa banjir di negeri ini membina semula kediaman selepas pasca banjir.

"Kami bersedia membina di mana sahaja asalkan ada pihak yang sedia menyalurkan peruntukan untuk bina baharu kediaman mangsa banjir.

"Kita mempunyai satu pasukan yang mampu menyiapkan empat unit rumah dalam masa enam minggu dan jumlah itu akan berganda jika mempunyai lebih banyak pasukan," katanya.